

KPDNKK, Aksem diminta perhebat kawalan di sempadan - TPM

Cegah seludup minyak masak

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 3 NOV.

DATUK Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK) dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) memperhebatkan kawalan di sempadan bagi mengekang kegiatan penyeludupan minyak masak.

Pada masa sama, menurut Timbalan Perdana Menteri, sekiranya terbukti wujud unsur rasuah sehingga menyebabkan kegiatan penyeludupan berleluasa, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu mengambil tindakan sewajarnya.

“Setakat ini saya tidak dapat bukti sama ada ia (penyeludupan) berlaku disebabkan oleh rasuah atau sebaliknya.

“Tetapi perkara ini tidak sepatutnya berlaku, jika negara jiran menjual minyak masak dengan harga yang tinggi, itu di luar bidang kuasa kita, yang penting subsidi minyak tidak boleh mengalir ke negara jiran,” katanya selepas merasmikan Hari Inovasi Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini hari ini.

Utusan Malaysia baru-baru ini melaporkan terdapat aktiviti



AHMAD ZAHID HAMIDI menyampaikan Anugerah Piala Menteri Dalam Negeri yang dimenangi Jabatan Penjara yang diterima Ketua Pengarah Penjara, Datuk Seri Zulkifli Omar dalam majlis sambutan Hari Inovasi Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

penyeludupan minyak masak di laluan ‘sah’ di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Rantau Panjang dan dipercayai aktiviti itu didalangi oleh warga Thailand dan ‘orang dalam’ di pintu masuk sempadan.

Ahmad Zahid berkata, setakat ini berdasarkan maklumat diperoleh, kegiatan penyeludupan didapati berlaku di lorong-lorong

tikus dan bukan di laluan rasmi.

Beliau seterusnya meminta para peniaga supaya tidak mengaut keuntungan daripada penstrukturan semula skim penstabilan harga minyak masak sehingga meresahkan suri rumah dan peniaga makanan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, KPDNKK juga perlu meneliti cadangan pelbagai pihak

termasuk daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan media supaya diwujudkan mekanisme penentuan harga minyak masak tidak bersubsidi.

“Segala cadangan yang baik perlu dibawa ke Jemaah Menteri untuk diteliti dan dibincangkan, kita boleh membuat keputusan daripada cadangan-cadangan itu untuk kepentingan rakyat,” katanya.